

PENGGUNAAN ICT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SUBJEK SEJARAH PRAUNIVERSITI

Use of ICT in Teaching and Learning Pre-University History Subject

Jaitun Binti Banggu*, Dg. Norizah Ag. Kiflee@Dzulkifli

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Email*: jaitun1970@gmail.com

Received: 24 April 2022; *Accepted:* 4 June 2022; *Published:* 29 June 2022


ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan penggunaan Information Communication Technology (ICT) dengan pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah prauniversiti. Kajian ini dijalankan di Pusat Tingkatan Enam, daerah Penampang, Sabah yang melibatkan 152 orang pelajar prauniversiti yang mengambil subjek Sejarah. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang kaji selidik. Item yang terdapat dalam soal selidik ini menggunakan skala empat mata. Analisis data telah dilakukan dengan menggunakan Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 21 untuk menjalankan Ujian-t. Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan ICT berdasarkan jantina dengan perbezaan min adalah sebanyak 0.09. Manakala, hasil kajian bagi hubungan antara penggunaan ICT dengan pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti, ($r = .442^{**} N = 152, p < 0.05$). Ini menunjukkan wujud hubungan antara penggunaan ICT dengan pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti. Dapatan kajian ini membuktikan wujud hubungan yang positif penggunaan ICT dengan proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti. Hasil kajian ini, dapat membuka mata para guru subjek sejarah prauniversiti agar mengaplikasikan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar subjek sejarah ini akan terus menjadi pilihan pelajar apabila belajar di peringkat prauniversiti. Ini membuktikan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah memberi impak yang positif pada pelajar untuk meminati dan menguasai subjek sejarah.

Kata kunci: subjek sejarah prauniversiti, ICT, pengajaran dan pembelajaran, ujian-t

ABSTRACT

*This study was conducted to identify the relationship between the use of Information Communication Technology (ICT) with the teaching and learning of pre -university History subjects. This study was conducted at the Form Six Center, Penampang district, Sabah involving 152 pre -university students who took the subject of History. The research instrument used was a survey form. The items found in this questionnaire use a four -point scale. Data analysis was performed using Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 21 to conduct t-test. The findings of the study found that there was no significant difference between the use of ICT based on gender with a mean difference of 0.09. Meanwhile, the results of the study for the relationship between the use of ICT with the teaching and learning of pre -university history subjects, ($r = .442^{**} N = 152, p < 0.05$). This shows that there is a relationship between the use of ICT with the teaching and learning of pre -university history subjects. The findings of this study*



prove that there is a positive relationship between the use of ICT with the teaching and learning process of pre - university history subjects. The results of this study, can open the eyes of pre -university history subject teachers to apply the use of ICT in the teaching and learning process so that this history subject will continue to be the choice of students when studying at the pre -university level. This proves that the use of ICT in the process of teaching and learning history subjects has a positive impact on students to pay attention to and master the subject of history.


Keywords: pre-university history subjects, ICT, teaching and learning, t-test

PENGENALAN

Sejarah ialah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang wajib dipelajari oleh semua pelajar sekolah secara berterusan selama lima tahun bermula di tingkatan 1 hinggalah ke tingkatan 5. Pengajaran ini dibahagikan kepada dua tahap iaitu peringkat sekolah menengah rendah dan peringkat sekolah menengah atas. Pendidikan sekolah menengah rendah adalah selama tiga tahun bermula dari tingkatan 1 hingga 3. Manakala pengajaran peringkat sekolah menengah atas pula adalah selama dua tahun iaitu bermula di tingkatan 4 dan berakhir di tingkatan 5. Matlamat pengajaran sejarah adalah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan semangat kesetiaan kepada negara dan bangsa . Sesuai dengan kedudukan masyarakat pelbagai kaum, pendidikan sejarah di Malaysia juga bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan cintakan bangsa dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia 2002e:3).

Dalam konteks prauniversiti pula, mata pelajaran sejarah dibahagikan kepada tiga semester pengajaran. Setiap semester pelajar terdedah kepada proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang berbeza. Sejarah Dunia akan dipelajari pada semester pertama dan sejarah Islam pada semester kedua. Manakala sejarah Malaysia dan sejarah Asia Tenggara akan dipelajari pada semester ketiga. Dengan ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik amatlah diperlukan bagi pelajar prauniversiti untuk memudahkan penguasaan fakta-fakta sejarah.

ICT adalah lebih daripada alat pengajaran. Potensi kelestariannya adalah menonjol di dalam meningkatkan kualiti dan minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran. Potensinya juga adalah menonjol di dalam membantu guru menjalankan tugas seharian sama ada di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah termasuk hal-hal berkaitan pengurusan, latihan berterusan dan pembangunan sahsiah. Di samping itu, ICT juga berpotensi untuk mengembangkan keupayaan dan kreativiti pelajar semasa melalui proses pembelajaran mereka. Malahan ICT secara keseluruhannya memberi fokus terhadap kreativiti dan kognitif pelajar dalam memupuk keupayaan dan kebolehan perolehan maklumat, handling, pengawalan dan pengukuran (Joseph & Wan Rozali, 2013). Seseorang guru sejarah sewajarnya melihat kepentingan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat menarik minat pelajar untuk belajar subjek sejarah.




PERNYATAAN MASALAH

Masalah pertama yang hendak dikaji dalam kajian ini adalah berkaitan dengan kemahiran asas ICT atau literasi komputer. Isu berkaitan dengan kemahiran asas ICT seseorang guru perlu dilihat sebagai sesuatu yang sangat penting kerana menyedari hakikat bahawa penggunaan ICT mula berkembang pesat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sewajarnya lebih ramai tenaga pengajar di institusi pendidikan mengorak langkah seiring dengan zaman ledakan maklumat dengan membina perisian-perisian kursus serta laman-laman web untuk membantu dan mengubah corak pengajaran dan pembelajaran ke arah pembelajaran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi.

Keadaan ini bersesuaian dengan peranan pendidik masa kini yang mengalami transformasi dari seorang pembawa dan penyampai maklumat kepada seorang pengurus, jurulatih dan fasilitator (Johari dan Fazliana, 2011). Sebagaimana yang kita maklum, semua guru telah dibekalkan telefon bimbit dan tab yang tersedia data untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, masih terdapat ramai guru yang tidak menggunakan teknologi ini dengan sepenuhnya. Guru lebih selesa dengan kaedah tradisional dan tidak mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran mereka (Norhiza et.al, 2016).

Pihak pentadbir sekolah bersetuju bahawa penggunaan kemudahan ICT penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta sentiasa memberikan motivasi dan sokongan kepada guru-guru. Mereka juga bersetuju bahawa penggunaan kemudahan ICT memudahkan pengajaran guru dan sentiasa menggalakkan guru-guru menghadiri kursus disamping menjalankan pemantauan serta sentiasa peka terhadap perkembangan pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (Rosnaini et. al, 2013).

Masalah seterusnya berkaitan dengan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti ialah berkaitan dengan talian internet dan peralatan berasaskan teknologi di sekolah. Para pelajar terpaksa menggunakan data sendiri untuk mengakses bahan untuk tujuan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Sebagaimana yang kita maklum, pelajar-pelajar prauniversiti yang mengambil subjek sejarah ini akan melaksanakan kerja kursus yang memerlukan pelajar perlu mencari bahan melalui internet. Namun segala masalah berkaitan dengan ICT ni dapat diatasi oleh guru dengan menggunakan bajet sendiri agar dapat mewujudkan suasana proses pengajaran dan pembelajaran yang lancar di sekolah (Thulasimani, 2014).



OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti perbezaan skor min penggunaan ICT berdasarkan jantina.
2. Mengenal pasti hubungan penggunaan ICT dengan pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah prauniversiti.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian Kaviza (2020) mengkaji kesan pelaksanaan kelas *flipped* dengan sumber digital terhadap kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid. Kajian beliau menunjukkan terdapat lima kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran sejarah yang difokuskan dalam kajian ini ialah memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi. Kajian yang dijalankan melibatkan 32 orang murid tingkatan satu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid dapat meningkatkan lima kemahiran pemikiran sejarah yang lebih tinggi secara signifikan antara ujian pra dan ujian pasca. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi sumber rujukan kepada guru sejarah dalam merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran secara inovatif dengan mengaplikasi teknologi maklumat yang berteraskan pembelajaran abad 21.

Manakala, hasil kajian Nur Syazwani et, al.(2019) tentang ‘Penggunaan Multimedia dalam Mata Pelajaran Sejarah’. Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap penggunaan multimedia dalam mata pelajaran Sejarah dan hubungannya dengan minat belajar sejarah. Kajian ini dijalankan di Mukah, Sarawak yang melibatkan 60 orang pelajar tingkatan empat. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan sumber adalah berada tahap sederhana. Analisis inferensi mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan etnik dari segi penggunaan sumber dalam mata pelajaran sejarah. Namun, terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan sumber dalam mata pelajaran sejarah berdasarkan tahap pencapaian akademik pelajar.

Kajian oleh Shah Rulbani et al. (2017) mendapati bahawa penggunaan ICT dalam kalangan pensyarah Pendidikan Islam di politeknik berada pada tahap tinggi manakala hasil analisis inferensi menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan ICT berdasarkan pengalaman mengajar. Mereka mencadangkan agar penggunaan *Curriculum Information and Document Online System (CIDOS)* perlu dipertingkatkan lagi supaya proses pengajaran dan pembelajaran mereka tidak hanya tertumpu di dalam bilik-bilik atau dewan-dewan kuliah semata-mata, tetapi juga perlu menggunakan CIDOS untuk mewujudkan budaya e-pembelajaran di politeknik.

Di samping itu, Sharifah & Kamarul (2011) mendapati kajian menunjukkan bahawa guru bersedia untuk melaksanakan pengajaran dengan menggunakan pendekatan ICT dan terdapatnya hubungan yang kuat antara hasil kerja dan tingkah laku terhadap responden. Hasil daripada analisis Pearson menunjukkan wujudnya hubungan positif yang sangat kuat daripada kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan kajian daripada ujian MANOVA pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara hasil kerja dan tingkah laku berdasarkan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru-guru prasekolah.

Seterusnya kajian oleh Tan dan Carol (2013) turut mengakui bahawa kemahiran guru dalam mengaplikasi teknologi seperti video *YouTube* sebagai alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah berjaya menarik minat dan meningkatkan kefahaman dan daya ingatan pelajar kerana isi pengajaran disampaikan secara telus. Guru-guru subjek Sejarah seharusnya lebih kompeten dalam mendepani dan menyesuaikan diri mereka dengan perkembangan ICT dalam dunia pendidikan dengan mengaplikasikan sepenuhnya kemahiran teknologi maklumat yang mereka miliki mengikut kesesuaian isi kandungan atau tajuk bagi menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang lebih efektif. Kenyataan ini sesuai dan seiring dengan kemajuan teknologi yang semakin meningkat serta hasilnya diharap dapat melahirkan lebih ramai pelajar yang cemerlang dalam mata pelajaran Sejarah.

Dalam kajian oleh Ranukan dan Siti Hawa (2012) juga mendapati guru mata pelajaran Sejarah berada dalam tahap yang minimum dalam penggunaan ICT. Sumber digital sejarah dalam bentuk bahan visual, video, dokumen dan peta masih kurang dieksploitasi untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran. Keterbatasan penggunaan sumber digital ini ada kaitannya dengan kesederhanaan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran ICT serta penggunaan sumber digital sejarah dalam kalangan guru. Kepesatan perkembangan teknologi telah menunjukkan bahawa perubahan teknologi masa kini telah membawa satu anjakan baharu dalam dunia pendidikan (Md Sahir & Mohd Ayub, 2015; Sulakah, 2017). Ini dapat dilihat melalui pembangunan pendidikan yang mementingkan pembudayaan dan penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) (Fadzil, 2015) dalam kalangan pelajar. Penggunaan ICT di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran sudah menjadi satu budaya pada masa kini (Ab Rahman, Zainal, & Ab Karim, 2015).

Hasil kajian Singh dan Chan (2014) mendapati sikap guru terhadap penggunaan ICT adalah berbeza berdasarkan pengalaman mengajar dan tahap pengetahuan mengenai ICT. Kesimpulan kajian tersebut disokong oleh kajian Lin, Lin, dan Lee (2015) yang menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam kekananan guru (tempoh mengajar). Selanjutnya, kajian Adil (2016) turut menunjukkan komponen kesediaan perubahan mempunyai kesan berbeza terhadap komitmen perubahan berdasarkan pengalaman mengajar. Chew dan Muhamad (2017) pula dalam kajian

mereka turut mendapati terdapat hubungan signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan aspek kemahiran dalam pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah.

Seterusnya, hasil kajian Abu et al., (2014), mendapati bahawa pengajaran guru merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan pencapaian murid di samping sikap, minat dan pengaruh rakan sebaya. Dapatan ini mengukuhkan lagi dapatan Anuar (2009) bahawa guru yang berkemahiran mengajar Sejarah dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Guru-guru Sejarah mempunyai tanggungjawab dan peranan besar dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Pengaruh kompetensi kemahiran guru perlu dipertingkat dan diberi perhatian sewajarnya agar pengajaran guru Sejarah lebih berkesan, kerana dengan pengajaran yang berkualiti dan berkesan maka matlamat pendidikan Sejarah seperti mana yang digariskan Kementerian Pendidikan yang terkandung dalam kurikulum Sejarah tercapai.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian

Dalam kajian ini, pendekatan kajian yang digunakan adalah pendekatan kuantitatif. Kajian yang dijalankan merupakan satu kajian kuantitatif yang bersifat tinjauan iaitu menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Menurut Patton (1990) pendekatan kuantitatif mampu mengukur reaksi dan tindak balas responden terhadap soal selidik yang terhad dan dapat menganalisis masalah yang dikaji dengan ringkas dan tepat. Ini kerana data kuantitatif adalah sistematik, mudah dianalisis, piawai dan dikemukakan dalam masa yang singkat.

Sampel

Populasi kajian bagi kajian ini ialah pelajar prauniversiti yang mengambil subjek sejarah di Pusat Tingkatan Enam, daerah Penampang, Sabah. Oleh itu, jumlah sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah 152 orang pelajar prauniversiti yang dipilih dengan menggunakan pensampelan rawak mudah. Prosedur pensampelan rawak mudah ini melalui data bilangan pelajar yang diperolehi daripada sekolah yang terpilih. Proses pemilihan sampel kajian adalah secara berkadaran iaitu mengikut bilangan pelajar di setiap sekolah yang terpilih.

Intrumen

Instrumen soal selidik yang digunakan bagi mengukur penggunaan penggunaan ICT dalam kajian ini telah diubahsuai daripada soal selidik yang telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas terutamanya instrumen yang dibentuk oleh Elena C. Papanastasiou and Charoula Angeli, 2008 . Instrumen asal mengandungi lima skala, enam bahagian dan 77 item. Pengkaji telah menggunakan instrumen ini dengan mengambil item yang bersesuaian dengan kajian, beberapa pengubahsuaian terhadap item-item ini dilakukan dengan mengambil kira sampel kajian. Hanya 10 item sahaja

digunakan untuk mengukur penggunaan ICT. Bagi instrumen *The Approaches to Teaching Inventory* pula pengkaji yang menggunakan instrumen ini dan diubahsuai ialah Pauline Swee Choo Goh, Kung Teck Wong, Mohd Sahandri Gani Hamzah yang menggunakan 22 item dan skala lima. Hanya 10 item sahaja digunakan untuk mengukur pembolehubah pembelajaran subjek sejarah prauniversiti dengan mengambil kira sampel kajian dan telah dirujuk kepada pakar. Instrumen ini telah disemak oleh pakar bagi menyemak struktur bahasa dan kesalahan ejaan setelah intrumen diterjemah dalam bahasa melayu.

Analisis data

Data yang dikutip daripada edaran borang soal selidik seterusnya dianalisis menggunakan program IBG SPSS. Terlebih dahulu data yang diperolehi dianalisis bagi menentukan kenormalan dan kebolehppercayaan data. Analisis data yang dijalankan adalah terdiri daripada analisis deskriptif dan analisis inferensi. Ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan skor min penggunaan ICT berdasarkan jantina. Seterusnya bagi melihat hubungan penggunaan ICT dengan pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti, analisis ujian korelasi telah digunakan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah berdasarkan kepada objektif kajian. Keseluruhan responden untuk kajian ini adalah seramai 152 orang pelajar prauniversiti. Responden lelaki adalah seramai 62 orang (40.8%) dan responden perempuan adalah seramai 90 orang (59.2%). Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan ICT berdasarkan jantina dengan perbezaan min adalah sebanyak 0.09. Manakala, ujian korelasi dilaksanakan untuk mengkaji hubungan antara penggunaan ICT dengan pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti. Hasil dapatan kajian melalui ujian korelasi adalah ($r=0.442$, $n=152$, $p<0.05$) yang membuktikan wujudnya hubungan yang positif antara penggunaan ICT dengan pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti. Dapatan kajian ini memperjelaskan bahawa dengan penggunaan ICT seperti penggunaan LCD Projektor, carian maklumat pembelajaran menggunakan internet, belajar dengan menggunakan media sosial seperti whatsapp dan telegaram berjaya menarik minat pelajar prauniversiti untuk belajar sejarah dengan lebih berkesan.


PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN KESIMPULAN

Perbincangan dapatan kajian adalah berdasarkan kepada objektif kajian. Objektif yang pertama adalah mengenal pasti perbezaan skor min penggunaan ICT berdasarkan jantina. Keputusan ujian-t juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan penggunaan ICT berdasarkan jantina. Ini menunjukkan bahawa keputusan ini menyatakan bahawa dalam penggunaan ICT tidak terdapat

perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Berlandaskan kepada Teori Pembelajaran Gagne dikenali sebagai teori pemprosesan data atau maklumat (Norizan, 2002). Teori ini menganggap ingatan manusia sama seperti komputer di mana seorang pelajar dilihat memproses maklumat seperti mana yang dilakukan oleh komputer. Ini bermaksud dalam penggunaan ICT tiada perbezaan di antara pelajar lelaki dengan perempuan. Domain pemprosesan maklumat merangkumi maklumat yang diterima dan berkaitan dengan inkuiri di mana pelajar melibatkan diri dalam menguji hipotesis dan konsep. Teori ini juga melibatkan cara manusia berfikir seperti sistem komputer iaitu menyimpan, memproses dan mengingat (Norizan, 2002).

Manakala untuk objektif kedua ialah mengenal pasti hubungan penggunaan ICT dengan pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti. Sharifah dan Kamarul (2011) dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa guru bersedia untuk melaksanakan pengajaran dengan menggunakan pendekatan ICT dan terdapat hubungan yang kuat antara hasil kerja dan tingkah laku. Ini jelas menunjukkan bahawa dapatan kajian ini bahawa wujud hubungan positif penggunaan ICT dengan pengajaran dan pembelajaran adalah tepat. Dapatan kajian yang menunjukkan hubungan yang signifikan penggunaan ICT dengan proses pengajaran dan pembelajaran juga selari dengan kajian Tan & Carol (2013) yang turut mengakui bahawa kemahiran guru dalam mengaplikasikan teknologi seperti video *Youtube* sebagai alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah berjaya menarik minat dan meningkatkan kefahaman dan daya ingatan pelajar kerana isi pelajaran disampaikan secara telus. Ini jelas menunjukkan bahawa dapatan kajian yang menunjukkan wujud hubungan yang signifikan penggunaan ICT dengan pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti. Guru perlu memfokuskan kepada aspek-aspek seperti kemajuan pelajaran, interaksi dan penglibatan pelajar yang aktif dalam pembelajaran. Seterusnya wujudnya pengaruh yang positif penggunaan ICT terhadap pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah dalam kajian ini selari kajian luar Negara (Andrade, Mercado & Reynoso, 2008) yang menyatakan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran telah diakui lebih berkesan berbanding kaedah tradisional. Manakala Alessi Trollip (2001) berpendapat bahawa pembelajaran melalui ICT memberikan pelbagai kemudahan seperti pembelajaran dapat dicapai dengan mudah. Ini menunjukkan bahawa pengaruh penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah ini adalah positif. Begitu juga dalam pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti adalah perlu ICT diaplikasikan agar dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan.

Seterusnya, implikasi yang akan diketengahkan ialah implikasi penyelidikan dan implikasi pengamalan. Implikasi penyelidikan merujuk kepada cara untuk mendapatkan dapatan kajian. Penyelidikan yang digunakan memerlukan teknik yang sistematik bagi memperoleh data yang tepat untuk menghasilkan kajian yang berkualiti dan menepati kehendak ilmiah. Implikasi penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik sememangnya boleh diguna pakai kerana dapat memberi data/maklumat yang diperlukan. Dengan menggunakan perisian SPSS Version 21,



penyelidik telah dapat maklumat/data yang lebih tepat berkaitan dengan tajuk kajian yang dibincangkan dengan lebih mendalam di dapatan kajian. Implikasi penyelidikan juga telah memudahkan penyelidik untuk menyiapkan kajian ini dengan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Lay & Khoo, 2008).

Kajian ini juga boleh digunakan oleh penyelidik lain dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat/data yang lebih tepat daripada peserta kajian/responden. Penyelidikan dalam kajian adalah sangat penting bagi seseorang penyelidik agar memperolehi dapatan kajian yang berkualiti, tepat dan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu, implikasi penyelidikan ini telah memberi impak yang sangat penting kepada penyelidik agar dapat menghasilkan satu hasil kajian yang tepat dan mencapai objektif kajian (Chua, 2014).

Bagi implikasi pengamalan, kajian yang dijalankan ini akan dapat memberikan idea kepada guru untuk memilih strategi satu kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap pelajar. Guru akan dapat mengetahui cara yang terbaik untuk digunakan bagi menarik minat serta mencabar kebolehan pelajar, merangsang pembelajaran yang menyeronokkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti. Di samping itu, guru juga akan dapat mengetahui kepentingan pengurusan bilik darjah sebelum memulakan sesi pembelajaran. Penggunaan bilik darjah yang berkesan akan memberi impak yang positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, penggunaan ICT akan dapat memberikan kemahiran kepada guru dan menjadikan guru lebih cekap dan efektif dalam penggunaan peralatan ICT. Keyakinan yang tinggi dalam penggunaan ICT akan meningkatkan kemahiran dan membantu memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru akan lebih berani untuk menggunakan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan tidak lagi menggunakan kaedah syarahan atau menggunakan buku teks sahaja. Pelajar akan lebih berkeyakinan dan seronok untuk belajar subjek sejarah. Di samping itu, guru perlu juga menitikberatkan pengurusan bilik darjah agar suasana proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif. Kajian mendapati kemahiran penggunaan teknologi maklumat menyumbang kepada pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sejarah berbanding kemahiran lain. Pengaruh kompetensi kemahiran guru perlu ditingkatkan agar pengajaran guru sejarah lebih berkesan (Anuar & Nelson, 2015).

Implikasi kajian ini juga ialah guru sejarah prauniversiti akan dapat mengetahui bahawa penggunaan ICT dalam subjek sejarah itu adalah perlu sejajar dengan perkembangan zaman teknologi masa kini. Subjek sejarah bukan sahaja di ajar dengan kaedah tradisional seperti sebelum ini, tetapi perlu ada inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat menarik minat pelajar untuk meminati subjek sejarah. Guru sejarah harus berani memecahkan tradisi dengan

menggunakan ICT yang berpusatkan pelajar untuk mencari maklumat sebagai medium untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui penggunaan ICT, proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah akan lebih menarik dan tidak membosankan. Di samping itu, pengurusan bilik darjah juga perlu dititik beratkan agar dapat mewujudkan persekitaran bilik darjah yang selesa, harmoni dan melibatkan keseluruhan pelajar. Kajian juga menunjukkan amalan pengajaran dan pembelajaran sejarah berbantuan teknologi terkini seperti *power point* dan *youtube* wajar digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah. Penggunaan teknologi dalam pengajaran terbukti memberi impak terhadap minat pelajar dalam pembelajaran (Mohd Mahza, Abdul Raziq & Nur Syazwani, 2016).

Kajian ini telah menemui beberapa dapatan yang amat berguna kepada pihak-pihak tertentu terutamanya dalam melihat kepentingan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti. Ini disebabkan subjek sejarah selalu dikaitkan dengan kaedah tradisional yang menyebabkan suasana pembelajaran yang membosankan. Dengan kajian ini, dapat membuka mata para guru subjek sejarah prauniversiti agar mengaplikasikan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar subjek sejarah ini akan terus menjadi pilihan pelajar apabila belajar di peringkat prauniversiti.


Pengkaji mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lain di masa akan datang. Kajian ini boleh diperluaskan lagi di daerah lain di negeri Sabah. Kajian seterusnya boleh menghubungkan dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian akan datang boleh menentengahkan pengaruh lain terhadap proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti. Di samping itu, kajian ini juga boleh dilakukan oleh pengkaji lain untuk pelajar peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kajian ini juga boleh diperluaskan oleh pengkaji lain untuk subjek lain yang menjadi pilihan pelajar prauniversiti. Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran kini menjadi pilihan utama guru sejarah prauniversiti yang menarik minat dan memudahkan pelajar untuk meningkatkan daya ingatan jangka panjang dan semasa menghadapi soalan peperiksaan.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap tajuk yang diajar. Kaedah pengajaran dengan menggunakan ICT adalah paling dominan di samping kaedah pembentangan, peta minda dan latih tubi secara intensif. Kesemua kaedah ini telah digunakan oleh guru subjek sejarah prauniversiti semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, aspek lain juga perlu dititikberatkan seperti pengurusan bilik darjah yang turut mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran guru. Persekitaran bilik darjah yang kondusif dapat menarik minat pelajar untuk bergerak aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Dengan ini kaedah penggunaan ICT, pembentangan, peta minda dan latih tubi intensif dan pengurusan bilik darjah

sememangnya memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah prauniversiti.

RUJUKAN

- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan Edisi Ketiga*. McGraw-Hill Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Dr. Lay Yoon Fah & Dr. Khoo Chwee Hoon. (2011). *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Jamaludin dan Tafsir Zaidatun. (2003). *Multimedia dalam Pendidikan*. Venton Publishing.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Sejarah*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kolb, D.A. (1984), *Experiential Learning: Experience as the Source of Learning And Development*. Prentice Hall, Inc.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Kaviza, M. (2020). Pelaksanaan Kelas Flipped dengan Sumber Digital dalam Mata Pelajaran Sejarah: Kesannya Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah. *Journal of ICT in Education*, 7(1), 30-42.
- Mohd. Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof Othman. (2000). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Aras Mega (M) Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang. (2003). *Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan Skim Perkhidmatan Guru*. Bahagian I : Kompetensi Profesional. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2007). *Kursus Penilaian Tahap Kecekapan. Pengajaran & Pembelajaran (P&P)*. Multimedia – ES Resources Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2008). Teks Komprehensif Penilaian Tahap Kecekapan. *Komponen Umum: Teras untuk Pegawai Perkhidmatan Awam/Pelajaran*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd.
- Nur Syazwani Abdul Talib, Mohd Mahzan Awang, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nur Azuki Yusuff. (2019). Penggunaan Multimedia Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *ISANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2).77 – 88.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2012). *Ringkasan Eksekutif. Kementerian Pelajaran Malaysia*.



- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Univision Press Sdn. Bhd.
- Sax, G. & Newton, J.W. (1997). *Principles of Educational and Psychological Measurement and evaluation*. Wadsworth Publishing Company.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1987). *Psikologil Pendidikan II*. Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Sulaiman Ngah Razali. (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pang, V. (2005). *Curriculum Evaluation: An Application in a Smart School Curriculum Implementation*. Universiti Malaysia Sabah.
- Zahiah Binti Kassim & Abdul Razaq Bin Ahmad. (2010). *E-Pembelajaran: Evolusi Internet Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT.